

BAB TIGA

BAB TIGA

KEPENTINGAN KOSA KATA DALAM PENGAJARAN

BAHASA ARAB

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan menerangkan kepentingan, bahagian-bahagian, serta mengapakah perlunya penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab samada dalam pertuturan mahupun penulisan. Di dalam menerangkan pembahagian kosa kata serta pecahan-pecahannya nanti, penulis tidak akan membincangkan dalam sudut tatabahasa. Jadi, huraian mengenai definisi-definisi serta contoh-contoh adalah agak ringkas kerana ianya sebagai pengenalan sahaja serta sesuai dengan peringkat asas yang dipelajari di UiTM.

Kosa kata (perbendaharaan kata) merupakan inti dalam sesuatu bahasa. Ia juga adalah objek utama yang mesti dikuasai dalam sesuatu bahasa samada dalam aspek pertuturan mahupun penulisan. Penguasaan kosa kata akan membantu pelajar untuk mempelajari aspek-aspek lain dengan lebih lancar dan sempurna.

Rahimah Hj. Sabran (1989) mengatakan:

“Perbendaharaan kata adalah asas yang penting dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan samada komunikasi melalui lisan, tulisan mahupun bacaan. Tanpa pengetahuan perbendaharaan kata yang mencukupi, seseorang itu sukar memahami mesej yang mahu disampaikan oleh penulis”.

Muhammad Bukhari Lubis pula mengatakan:

“Perkataan ialah struktur asas yang membentuk frasa, klausa dan ayat. Biasanya, struktur ayat dimulakan dengan unit-unit perkataan terkecil dalam bahasa”
(Muhammad Bukhari Lubis.1998)

Selagi pelajar tidak dapat menguasai kosa kata dengan baik, maka permasalahan dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tidak akan dapat diatasi. Tidak dinafikan bahawa penguasaan kosa kata amat berkait rapat dengan beberapa aspek lain seperti, morfologi dan semantik di mana untuk menguasai pengolahan kosa kata dengan baik, pelajar perlu mahir di dalam aspek-aspek tersebut. Namun begitu, pengkaji hanya akan memberi tumpuan kepada penguasaan di peringkat asas pengajaran dan pembelajaran secara komunikasi. Ini adalah kerana kajian ini hanya memfokuskan kepada pengajaran BA sebagai bahasa asing/ketiga di UiTM yang lebih menekankan aspek komunikasi.

Untuk mengatasi masalah kemiskinan kosa kata, pengajar seharusnya dari awal lagi perlu memberi kesedaran tentang kepentingan kosa kata, serta memastikan pelajar dapat menguasai bahagian-bahagian kosa kata seperti kata nama, kata kerja dan partikel yang paling asas. Dengan cara ini, pelajar akan rasa lebih yakin dan berminat untuk meneruskan pembelajaran BA. Dengan penguasaan kosa kata asas dan bahagian-bahagiannya, pelajar juga tidak akan sesat dan buntu untuk menggunakan bahasa sasaran dalam aspek pertuturan. Sekurang-kurangnya mereka mampu untuk menginterpretasikan apa yang tersirat walaupun masih lemah dalam dalam aspek tatabahasa.

3.1 Bahagian-bahagian Kosa Kata

Bahasa Arab mengandungi kalimah-kalimah atau kosa kata-kosa kata yang terbahagi kepada tiga bahagian utama mengikut nahu, iaitu *Isim* (اسم) Kata Nama, *Fi'il* (فعل))

Kata Kerja dan huruf (حُرْفٌ) Partikel. Ketiga-tiga bahagian ini merupakan bahagian asas dalam bahasa Arab. Setiap bahagian-bahagian tersebut mempunyai pecahan-pecahannya.

3.1.1 **Kata Nama (Isim)**

وَالْإِسْمُ هُوَ كَلِمَةً دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهَا وَلَمْ تَقْتَرِنْ بِزَمِنٍ

“*Isim* ialah kalimah yang menunjukkan makna sesuatu benda dan ia juga tidak mengandungi makna masa” (Al-Syanhaji, terjemahan 1986)

Abbas Hasan (1964) pula telah menterangkan kata nama ialah satu kalimah yang menunjukkan dengannya keatas sesuatu yang berupa objek (yang boleh dilihat, disentuh dan didengar) seperti rumah, sekolah dan sebagainya ataupun sesuatu yang tidak berupa objek (tidak boleh dilihat, disentuh dan didengar) hanya diketahui melalui pemikiran, seperti keberanian dan ketakutan dan dalam kedua keadaan (kata nama) ini tidak berkaitan dengan masa.

Contoh *Isim*:

مُحَمَّدٌ = Muhammad (nama orang)

الْبَيْتُ = rumah

كُنْ = kami

أَنَا = saya

Kata Nama BA mempunyai unsur gender, iaitu (مُذَكُّر) maskulin dan (مُؤْنَث) feminin.

Unsur ini tidak hanya terhad kepada manusia dan haiwan sahaja, malah merangkumi setiap kata nama samada nama khas ataupun nama am.

Contoh:

1. Kata Nama (مُذَكُّر) maskulin – (مُحَمَّد, مُدْرَس, بَيْت, أَسَد)
2. Kata Nama (مُؤْنَث) feminin – (غَانِشَة, مُدْرَسَة, سَيَارَة, بَقَرَة)

3.1.1.1 **Kata Nama Maskulin**

Secara umumnya kosa kata di dalam BA adalah maskulin. Oleh kerana penggunaannya adalah secara meluas, jadi kata nama maskulin tidak memerlukan sebarang simbol atau tanda pengenalan untuk mengenalinya ('Abbas Hasan 1974:585). Namun begitu menurut pendapat Al-Ghalayini (1997:96) kata nama maskulin terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- a) maskulin sebenar (المُذَكُّرُ الْحَقِيقِيُّ) iaitu perkataan maskulin yang menunjukkan maksud manusia atau pun haiwan yang sememangnya manunjukkan maksud maskulin dari segi semantiknya.
- b) Maskulin metaforik (المُذَكُّرُ الْمَجَازِيُّ) iaitu kata nama benda yang berperanan sebagai maskulin di dalam frasa atau pun ayat sedangkan pada hakikatnya ia bukanlah menunjukkan maksud maskulin dari segi semantiknya sahaja.

3.1.1.2 Kata Nama Feminin

Kata nama feminin adalah kata nama yang menunjukkan makna perempuan bagi manusia dan memberi makna betina bagi haiwan (Naimah Abdullah 2003). Feminin jenis ini dinamakan feminin sebenar (الْفَقِيْرِي). Dan kata nama benda yang dikira dari kategori feminin walaupun tidak memberi makna feminin ini dinamakan (الْمُؤْكِثُ الْمَجَازِي)

- a) Setiap kata nama yang diakhiri dengan salah satu simbol feminin iaitu *ta'*,

marbutat.. Contohnya:

- 'al-mudarrisat المُدَرِّسَة (guru perempuan)

- 'al-baqarat البَقَرَة (lembu betina)

- b) Setiap kata nama yang diakhiri dengan alif yang berupa huruf (ى) tanpa titik

dan juga *alif mambudat* (ا) samada perkataan itu sememangnya memberi

maksud feminin dari segi semantik ataupun tidak. Contohnya:

- halwa: الحَلْوَى (kuih)

- 'al-sahra' الصَّحْرَاء (padang pasir)

Bagi nama orang lelaki yang berakhir dengan *ta'* *marbutat* dianggap sebagai kata nama feminin secara lafaz sahaja bukan dari segi semantik. Oleh itu tidak perlu diserasikan dengan unsur-unsur feminin di dalam frasa atau ayat.

Contohnya: Usamah qawiy اسامة قويٌّ (usamah kuat)

3.1.2 Kata Kerja (Fi‘il)

كَلِمَةٌ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهَا وَاقْتَرَأَتْ بِزَمَانٍ

“ Kalimah yang mempunyai makna dengan sendirinya dan ia juga mengandungi masa ”

Contoh *Fi‘il*:

كَتَبَ = Telah menulis

يَكْتُبُ = sedang menulis

أَكْتُبْ = tulislah

Kata Kerja (فعل) terbahagi kepada tiga iaitu :

1. Kata Kerja masa lampau (فعل ما ضِ)

2. Kata Kerja masa kini (فعل ماضاً رِ)

3. Kata Kerja perintah (فعل أَمْرٍ)

3.1.3 Partikel “Huruf” (حُرْفٌ)

كلمة دلت على معنى في غيرها

“ Kalimah yang mempunyai makna sekiranya bersama dengan kalimah lain ”

Contoh *Huruf*:

من = dari

إلى = ke

في = dalam

Ketiga-tiga contoh Partikel di atas tidak mempunyai makna yang boleh difahami melainkan apabila digabungkan dengan kalimah Kata Nama atau Kata Kerja seperti contoh berikut:

رجعت من المسجد = saya telah balik dari masjid

أذهب إلى المكتب = saya pergi ke pejabat

3.2 Ciri-ciri dan bahagian Kata Nama

Kata Nama bahasa Arab mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Berpandukan ciri-ciri tersebut, dapatlah kita membezakan di antara Kata Nama, Kata Kerja dan Partikel.

3.2.1 Cara –cara Untuk Mengenali Kata Nama

فَالْأَسْمَاءُ يُعْرَفُ بِالْخَفْضِ وَالشُّوينِ وَدُخُولِ الْأَلِفِ وَاللَّامِ

“Isim itu boleh diketahui dengan:

1. boleh dimasuki al-jarr/al-khafd. (منْ، إِلَى، عَنْ)

2. boleh dimasuki tanwin (شُوينْ)

3. ada huruf alif lam (أَلْ)

3.2.2 Pecahan-pecahan Kata Nama

Kata Nama BA mempunyai pecahan-pecahannya yang tersendiri yang mesti dikuasai oleh pelajar supaya proses pembelajaran akan lebih mudah dan berkesan. Pecahan-pecahan ini seperti dalam bentuk bilangan, Kata Nama Sumber, Ma`rifat dan Nakirat, Kata Nama Tegar (Jamid) dan Musytaq.

3.2.2.1 Kata Nama Mufrad (مُفَرَّدٌ), Muthanna (مُشَتَّتٌ) dan Jama‘ (جَمْعٌ)

1. Kata Nama Mufrad : Kata Nama yang menunjukkan satu seperti: (دراجة)

2. Kata Nama Muthanna : Kata Nama yang menunjukkan dua seperti: (دراجتان)

3. Kata Nama Jama‘ : Kata Nama yang menunjukkan tiga atau lebih seperti: (دراجات)

Kata Nama Jama‘ ***plural*** terbahagi kepada tiga:

a) (جَمْعُ الْمَذْكُورِ السَّالِمِ) Kata jamak maskulin : Jama‘ yang dibentuk dengan

menambahkan و، ن ketika nominatif, dan ي، ن ketika akusatif dan genetif pada

akhir perkataan kata nama tunggal lelaki seperti: مُسْلِمٌين

b) (جَمْعُ الْمُؤْتَثِ السَّالِمِ) Kata jamak feminin : Jama‘ yang dibentuk dengan

menambahkan ت di akhir kata nama tunggal feminine seperti: مُسْلِمَاتٍ

c) (جَمْعُ التَّكْسِيرِ) jama‘ taksir ***broken plural*** : Jama‘ yang menunjukkan tiga atau

lebih dengan mengubah bentuk kata nama tunggal seperti: رجال

3.2.2.2 Kata Nama Sumber/Akar (Masdar)

Al-Syahnaji telah membahagikan masdar kepada dua jenis ta‘rif, iaitu:

1. Ta‘rif pertama: المَصْدَرُ هُوَ الِاسْمُ الْمَنْصُوبُ الَّذِي يَجِبُ ثَالِثًا فِي تَصْرِيفِ الْفِعْلِ

“ *Masdar adalah isim yang dibaca nasab yang dalam tasrif fi ‘ilnya jatuh pada urutan ketiga* ”. (Al-Syahnaji, terjemahan 1986)

2. Ta‘rif kedua: المَصْدَرُ مَا دَلَّ عَلَى حَدَثٍ مُجَرَّدٍ مِنَ الزَّمَانِ

“ *Kalimah isim yang menunjukkan pada suatu peristiwa yang tidak bergantung kepada masa* ”.

Contoh:

1. saya membaca Al-Quran dengan bacaan قرأتُ القرآن قراءةً
yang bersungguh-sungguh.
2. saya memuliakan tetamu dengan penuh اكرمتُ الضيف اكراماً
penghormatan

3.2.2.2.1 **Bahagian-bahagian Masdar**

Masdar terbahagi kepada dua, iaitu:

1. Masdar Lafziy : Masdar/kata nama sumber yang dalam lafaznya sesuai dengan fi'ilnya.

Contoh: Saya telah membunuhnya dengan قتلتُه قتلاً

Pembunuhan yang bersungguh-sungguh.

2. Masdar Maknawiy : Masdar/ kata nama sumber yang sesuai dengan fi'ilnya dalam makna.

Contoh: Saya telah duduk dengan duduk yang جلستُ قعدهً

bersungguh-sungguh

3.2.2.3 Kata Nama Ma'rifat dan Nakirat

Kata Nama juga boleh dibahagi kan kepada Kata Nama Ma'rifat dan Kata Nama Nakirat.

1. Kata Nama Ma'rifat (اسم المعرفة)

اسْمٌ يَدُلُّ عَلَى شَيْءٍ مُعَيْنٍ.

“ Yang dinamakan isim ma'rifat adalah isim yang menunjukkan sesuatu yang tertentu “ (Al-Syanhaji, terjemahan1986)

Ta'rif yang telah diberi oleh Al-Syanhaji ini telah di sokong oleh Ni'mat Fu'ad (1973:12) dan juga 'Abbas Hassan (1964).

Contoh:

إِبْرَاهِيمٌ

lafaz ini menunjukkan orang yang bernama

Ibrahim

ذَلِكَ الْكِتَابُ

menunjukkan kepada sesuatu kitab yang ditentukan.

3.2.2.3.1 Bahagian-bahagian Kata Nama (Isim) Ma'rifat

Al-Syanhaji berpendapat bahawa kata nama Ma'rifat terbahagi kepada lima (Al-Syanhaji, terjemahan 1986) iaitu:

1. Ganti nama (الضمائر) seperti: (أَنِّي) = saya

2. Kata nama khas (الاسم العالَمُ) seperti : مُحَمَّدٌ (Muhammad)

3. Kata nama mubham (اسم المبهم)

Isim Mubham terdiri dari dua iaitu:

a) Kata demonstratif (اسم الإشارة). Seperti : هَذِهِ = ini, maksudnya

untuk menunjukkan sesuatu perkara atau benda yang bersifat feminin.

b) Kata penyambung (اسم المؤصل), seperti : الَّذِي = yang, untuk jenis maskulin satu.

4. Kata nama yang diberi partikel penentu (أُلْ), seperti : الْرَّجُلُ = Orang lelaki

5. Kata nama *mudaf* di dalam frasa idafat (الإضافة) seperti : سَيَارَةً (dan) أَفْتَ ()

(سيارتك)

3.2.2.3.2 Kata Nama Nakirat (اسم التكراة)

Nakirat (indefinite) bermaksud kata nama yang memberi pengertian umum, tidak menunjukkan sesuatu yang tertentu, dan ringkasnya, ialah kata nama yang boleh dimasuki *alif* dan *lam* (ل) (Al-Syahnaji, terjemahan 1986).

‘Abbas Hasan (1964) dan Ni‘mat Fu’ad (1973) telah mentarifkan *Nakirat* (indefinite) yang bermaksud setiap kata nama yang menunjukkan sesuatu yang belum ditentukan.

Huraian:

Isim Nakirat ialah isim yang tidak ditentukan atau isim yang bersifat umum seperti:

(رَجُلٌ) mengandungi makna yang sangat luas iaitu merangkumi semua lelaki manakala

(الْرَّجُلُ) pula memberi makna seorang lelaki yang telah ditentukan.

3.2.2.4 Kata Nama Jamid (حَامِدٌ) dan Musytaq (مُشْتَقٌ)

1. Kata Nama Tegar (Jamid)

وَهُوَ مَا لَمْ يُؤْخَذْ مِنْ غَيْرِهِ

“Kata Nama yang tidak diambil dari kalimah yang lain”

Kata Nama tegar (Jamid) ini ialah Kata Nama asal dimana struktur hurufnya bukan diambil dari kalimah lain seperti Kata Kerja.

Contoh: (شَجَرَةٌ، قَلْمَنْ ، أَسَدٌ) pokok, pen dan singa.

2. Kata Nama terbitan “Musytaq” (اسْمُ الْمُشْتَقِ)

وَهُوَ مَا أُخِذَ مِنْ غَيْرِهِ

“Kata Nama yang telah diambil dari kalimah yang lain”

Kata Nama terbitan (Musytaq) ialah kalimah yang telah diambil dari kalimah Kata Kerja dan diubah menjadi nama terbitan.

Contoh: (عَالِمٌ) maknanya orang yang tahu. Perkataan ini berasal dari perkataan (عَلِمْ) yang bermaksud “tahu”.

3.3 Ciri-ciri dan Jenis Kata Kerja

Kata Kerja (فعل) bahasa Arab terbahagi kepada tiga bahagian besar, iaitu Kata Kerja kala lampau, Kata Kerja kala kini/masa depan dan Kata Kerja arahan.

1. Kata Kerja kala lampau (فعل ما ضِي)

Contoh: (ذَهَبَ) telah pergi dia seorang lelaki

2. Kata Kerja kala kini dan akan datang (فعل مُضَارِع)

Contoh: (ذَهَبَتْ) telah pergi dia seorang perempuan

3. Kata Kerja perintah (فعل أَمْرٌ)

Contoh: (إِذْهَبْ) pergilah.

3.3.1 Ciri-ciri Kata Kerja.

Kata Kerja bahasa Arab mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Kita boleh mengesan Kata Kerja dengan beberapa tanda:

a) Sebelumnya ada lafaz “Qad”, “Sin” dan “Saufa” (قد ، سـ ، سـوفـ) contohnya:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ = Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman itu sangat beruntung.

b) Dapat dimasuki ta' ta'nith yang mati (ت) contohnya:

جَاءَتْ فَاطِمَةٌ = Fatimah telah datang.

Untuk mengesan sesebuah kalimah Kata kerja, ia mempunyai beberapa tanda seperti “Qad”, “Sin”, “Saufa” atau kalimah yang dimasuki “ta’ ta’nith”.

“Qad” (قد) apabila masuk pada fi'il madi, maka ia memberi makna “sesungguhnya”, tetapi jika masuk pada fi'il mudari', ia akan memberi makna “kadang-kala” atau “mungkin”.

Manakala “Sin” dan “Saufa” pula hanya boleh dimasukkan pada fi'il mudari' sahaja dan memberi makna “akan”.

3.3.2 Cara-cara membezakan jenis-jenis Kata Kerja.

Untuk membezakan diantara jenis-jenis Kata Kerja Kala lampau, Kata Kerja Kala Kini/Masa Depan dan Kata Kerja Arahan, kita harus peka kepada beberapa tanda seperti berikut:

a) Tanda-tanda Kata Kerja Kala Lampau (فعل ماضي).

Tanda Kata Kerja kala lampau selamanya fathah atau baris atas pada akhir lafaznya

Contoh: (قرأ ، جلس ، فتح)

b) Tanda-tanda Kata Kerja Kala Kini/Masa Depan (فعل مُضَارِع)

fi'il mudari' ialah fi'il yang diawali dengan salah satu huruf "zaidat" (tambahan) yang empat dan terhimpun dalam: (أَيْت), iaitu hamzat (ء), (ن), (ي) dan (ت)".

c) Tanda-tanda Kata kerja Arahan (فعلُ أَمْرٍ)

Fi'il amar selamanya dimatikan (huruf akhirnya)".

Contoh: إِذْهَبْ ، إِكْرَمْ ، أَكْتُبْ (

3.4 Ciri-ciri dan Bahagian Partikel

Bahagian ketiga dalam Kosa kata bahasa Arab ialah Partikel (حَرْفٌ). Ia merupakan morfem selain kata nama dan kata kerja yang tidak difahami tanpa dihubungkan dengan sesuatu yang lain. Partikel bahasa Arab mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri dan juga terbahagi kepada beberapa bahagian.

3.4.1 Ciri-ciri kalimah huruf (Partikel)

Huruf adalah kalimah (ayat) yang mempunyai makna apabila bersama dengan kalimah yang lain.

Contoh: هَلْ (Hal) عَلَى (`ala) فِي (fi)

Ketiga-tiga contoh kalimah tersebut tidak mempunyai maksud yang lengkap. Ia akan memberi makna apabila disambungkan dengan ayat atau kalimah lain seperti contoh berikut:

a) هل تُحبُّ السَّفَرَ؟ = Adakah anda suka melancung?

b) يَجْلِسُ الْأَسْتَاذُ عَلَى الْكُرْسِيِّ = Ustaz duduk atas kerusi.

c) يَسْطُعُ النُّورُ فِي الْحُجْرَةِ = Cahaya itu memancar dalam bilik

3.4.2 Bahagian-bahagian huruf (partikel)

1.Huruf Syarat (حَرْفُ شَرْطٍ) إِنْ ، إِذْمَا ، لَوْ ، لَوْمَا ، لَوْلَا ، أَمَا.

2.Huruf Jawab (حَرْفُ الْجَوابِ) لَا ، نَعَمْ ، بَلَى ، إِي ، أَجَلْ ، جَلَلْ ،

جَيْرْ ، إِذَنْ

3.Huruf Nafi (حَرْفُ النَّفِيِّ) لَمْ ، لَمَّا ، لَنْ ، مَا ، لَا ، لَاتْ ، إِنْ

4.Huruf Tahdid (حَرْفُ التَّحْضِيصِ) أَلَا ، أَلَا ، هَلَّا ، لَوْلَا ، لَوْمَا

5.Huruf masdariyyat (الْحَرْفُ الْمَصْدَرِيَّةِ) أَنْ ، أَنْ ، كَيْ ، لَوْ ، مَا

6.Huruf Istiqbal (حَرْفُ الْإِسْتِقْبَالِ) الْسَّيْئُنْ ، سَوْفَ ، إِنْ ، لَنْ ، هَلْ

7.Huruf Tanbih (حَرْفُ التَّشِيهِ) أَلَا ، أَمَا ، هَا ، يَا

8.Huruf Taukid (حَرْفُ التَّوْكِيدِ) إِنْ ، أَنْ ، أَلْتُونْ ، لَامْ الإِبْتِداءِ ، قَدْ

9.Huruf Jar (حَرْفُ الْجَرِ) مِنْ ، إِلَى ، عَنْ ، عَلَى ، فِي ، رُبٌّ ، أَبْأَءُ ، الْكَافُ ،

اللَّامُ

10.Huruf Qasam (حَرْوَفُ الْقَسَمِ) الْوَاءُ ، الْيَاءُ ، الْئَاءُ

11.Huruf Atfi` (حُرُوفُ الْعَطْفِ) الْوَاءُ ، الْفَاءُ ، ثُمٌّ ، أَوْ ، أَمْ ، بَلْ ، إِمَّا ، وَلَا ، وَلَكِنْ ،

حَتَّى

12.Huruf Nida (حَرْفُ النَّدَاءِ) آيَا، آيَا، آيَ، آيُهَا

13.Huruf Nawasib Mudari` (حَرْفُ الْمُضَارِعِ) أَنْ ، لَنْ ، إِذْنْ ، كَمْ .

14.Huruf Jawazim (حَرْفُ الْجَوازِ) لَمْ ، لَمَّا ، لَامُ الْأَمْرِ

3.5 Kosa kata Sinonim (المُرَادُ) dan Berlawanan (المُضَادُ)

Selain daripada pecahan-pecahan dan bahagian-bahagian yang telah disebutkan, kosa kata bahasa Arab juga mempunyai perkataan yang sama erti (sinonim) dan perkataan berlawan (antonim) dari segi makna. Pelajar-pelajar patut didedahkan kepada perkataan-perkataan ini untuk memperkayakan lagi perbendaharaan kata.

a) Kosa kata Sinonim (المُرَادُ)

Fakhru Al-Razi telah menta'arifkan 'Al-Muradif' ialah:

هُوَ الْأَلْفَاظُ الْمُفَرَّدَةُ الدَّالِلَةُ عَلَى شُيُّعٍ وَاحِدٍ بِاعْتِبَارِ وَاحِدٍ

" *Ia merupakan lazaf-lafaz perkataan yang menunjukkan perkara yang sama di taraf yang sama*"(Al-Suyutiy, Al-Mazhar, Mat Taib Pa 1999)

Sinonim ialah dua atau lebih perkataan yang berlainan sebutan tetapi mempunyai makna atau benda yang sama.

Contoh: (الْلَّيْثُ) dan (الْأَسَدُ) – kedua-dua perkataan ini bermaka "singa".

b) Kosa kata Berlawanan (المضاد)

Kosa kata Berlawanan pula ialah perkataan atau kalimah yang berlawanan maknanya.

Contoh: (قَرِيبٌ) dan (بعِيدٌ) – kalimah "ba'id" bermakna jauh manakala "qarib" pula bermakna dekat.

Kosa kata sinonim dan berlawanan sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya pelajar tidak terlalu bergantung kepada makna dalam bahasa ibunda untuk memahami kosa kata ataupun ayat.

3.6 Kosa kata-kosa kata Bahasa Arab Yang Telah Dimelayukan

Sejak Islam bertapak di nusantara khususnya di Malaysia, pengaruh bahasa Arab terhadap masyarakat Islam amat besar dalam kehidupan seharian. Ini jelas terbukti di dalam pertuturan harian masyarakat Islam Melayu, selain aqidah Islam yang digenggam

kukuh, pengaruh bahasa Arab juga telah tersebar dalam pertuturan di mana banyak kosa kata bahasa Arab telah dimelayukan sehingga kita tidak sedar bahawa perkataan itu sebenarnya berasal dari bahasa Arab. Sebagai contoh perkataan seperti “hayat” (حَيَاةٌ)

dan perkataan “akhir” (أُخْرِيٌّ) secara umumnya pun tidak lari dari segi sebutan dan maknanya telah menjadi dari sebahagian dari kosa kata bahasa Melayu.

Di antara contoh-contoh kosa kata BA yang telah diMelayukan dan tidak berubah banyak dari segi sebutan dan makna ialah:

- (أَوَّلٌ) ----- awal
- (أُخْرِيٌّ) ----- akhir
- (سَلَامٌ) ----- salam
- (مَجَلَّةٌ) ----- majalah
- (رَحْمَةٌ) ----- rahmat
- (حَيَاةٌ) ----- hayat
- (إِنْسَانٌ) ----- insan
- (مَسْجِدٌ) ----- masjid
- (كِتَابٌ) ----- kitab
- (قَصَّةٌ) ----- kisah

Selain dari kosa kata yang disebutkan di atas, masih banyak lagi kosa kata BA yang telah diMelayukan samada tidak berubah dari segi sebutan dan makna, mahupun ada sedikit pergeseran dari segi makna seperti perkataan: (فندق) yang bermakna “hotel” manakala perkataan pondok dalam bahasa Melayu bermakna “rumah kecil” atau “Institusi Pengajian Lama yang mengajar agama Islam dan bahasa Arab”.

Pelajar-pelajar sepatutnya dimaklumkan tentang kosa kata-kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam dari bahasa Arab agar mereka rasa bahawa sebenarnya bahasa Arab dan bahasa ibunda tidaklah terlalu asing malah ianya hampir dalam kehidupan seharian dan secara tidak sedar, mereka telah lama menggunakan kosa kata BA yang mereka anggap sebagai bahasa Melayu. Dengan pengetahuan ini sedikit sebanyak akan membantu pembelajaran mereka dan dalam masa yang sama menyenangkan lagi proses pengajaran..

3.7 Kesimpulan

Apabila kita berkomunikasi di dalam sesuatu bahasa, perkara yang kita perlu tahu ialah kosa kata bahasa itu dahulu sebelum kita memikirkan tatabahasanya. Kosa kata merupakan aset utama yang membezakan kita tahu atau tidak menggunakan sesuatu bahasa.

Dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di UiTM, pengajar seharusnya membekalkan pelajar-pelajar di peringkat asas dengan kosa kata-kosa kata yang berkaitan dengan kehidupan seharian dan tidak terlalu membebankan pelajar dengan kosa kata yang tidak wujud di persekitaran. Isi kandungan teks juga adalah sangat penting bagi memberi minat kepada pelajar untuk mengingati dan membiasakan diri dengan bahasa yang dipelajari khususnya bahasa Arab. Pengajar tidak sepatutnya terikat dengan teks-teks bahasa Arab lama yang menggunakan kosa kata yang berbentuk

sastera lama yang memberi masalah kepada pelajar untuk menyebut atau membaca kerana struktur hurufnya agak asing bagi pelajar yang masih baru sedangkan masih banyak perkataan-perkataan sinonim yang tidak membebankan lidah pelajar untuk menyebutnya.

Pengetahuan tentang bahagian-bahagian kosa kata bahasa Arab ini amat perlu dalam pembelajaran. Selain dari mengingati kosa kata, pelajar juga perlu menguasai dengan baik perbezaan di antara Kata Nama, Kata kerja dan partikel semasa di peringkat asas lagi sekurang-kurangnya Kata Nama yang asas begitu juga Kata kerja dan Partikel.